

PM janji kaji beri status kolej universiti kepada Han Chiang
Malaysian Insider
11 Februari, 2013
Oleh Opalyn Mok

GEORGE TOWN, 11 Feb — Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berjanji akan mengkaji permohonan status kolej universiti dalam ucapannya sempena rumah terbuka Tahun Baru Cina Barisan Nasional (BN) pagi ini.

"Kita bercadang untuk menaiktarafkan Han Chiang kepada sebuah kolej universiti untuk komunikasi massa," kata beliau dalam ucapannya di padang sekolah di mana acara itu diadakan.

Padang tersebut dipenuhi pentonton — yang dianggar pihak polis seramai 100,000 orang — hadir bagi menyaksikan persembahan penyanyi sensasi Korea Selatan Psy yang terkenal dengan lagu "Oppa Gangnam Style".

Beliau juga mengulangi komitmen untuk membina sistem monorel di negeri itu, sistem penyuraian trafik dan memperbaiki sistem pengangkutan untuk menyelesaikan masalah trafik di sini.

"Saya beri jaminan, jika BN diberi peluang untuk memimpin negara ini, kami akan bawa impian kita dan aspirasi untuk mencapai negara maju menjelang 2020," katanya lagi.

Beliau beramah mesra dengan kebanyakan etnik Cina di Pulau Pinang dan berterima kasih kerana menyambut dua hari Tahun Baru Cina bersama-sama dengannya.

"Saya tidak pernah lakukan sebegini dan saya rasa cukup bertuah dan bergembira kerana tahun ini saya berada di sini selama dua hari untuk menyambut perayaan istimewa ini bersama kamu semua," katanya lagi.

Beliau berterima kasih kepada warga Pulau Pinang kerana memberi "sambutan hangat" kepadanya dan keluarganya ketika mereka tiba semalam.

Dalam usaha mendapatkan sokongan masyarakat Cina, anak lelaki Najib naik ke pentas mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina dalam bahasa Mandarin sebelum Najib memberi ucapan.

"Tujuan saya berada di sini ialah saya mahu kamu semua tahu bahawa kami berada di sini untuk kamu dan kami mahu memastikan Pulau Pinang sebagai mutiara Malaysia yang menjadi kebanggaan semua," kata Najib.

Beliau berkata kerajaan BN bersedia untuk mendengar pandangan rakyat dan kemahuan rakyat.

"Kami mahu dengar apa yang rakyat Pulau Pinang mahukan," katanya lagi.

Beliau juga mengulangi janji beliau pada 8 Disember, bahawa 20,000 rumah mampu milik akan dibina di Pulau Pinang dalam masa lima tahun lagi.

Pulau Pinang dilihat sebagai kubu kuat Pakatan Rakyat dengan BN bersungguh-sungguh untuk mendapatkan negeri itu semula selepas tewas pada pilihan raya 2008.

Pilihan raya 2013 yang mesti diadakan pada Jun, akan menyaksikan pertarungan sengit antara Pakatan Rakyat dan BN di negeri pulau ini yang majoritinya etnik Cina, terutamanya di sebelah pulau.

PR memenangi 29 kerusi dewan undangan negeri dari 40, menewaskan semua parti komponen BN iaitu Gerakan, MCA dan MIC, hanya meninggalkan Umno dengan 11 kerusi.

BN yakin untuk mengekalkan 11 lagi kerusi dan menawan lagi tujuh kerusi dari PR, dalam usaha memenangi negeri tersebut.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pm-janji-kaji-beri-status-kolej-universiti-kepada-han-chiang/>